



DASAR KESELAMATAN DAN KESIHATAN PEKERJAAN POLITEKNIK KUCHING SARAWAK

Politeknik Kuching Sarawak (PKS) komited terhadap aspek keselamatan dan kesihatan warga PKS, kontraktor dan pengunjungnya seperti yang selaras dengan kehendak semua undang-undang dan piawaian yang berkaitan.

Objektif Dasar Keselamatan dan Kesihatan adalah untuk memastikan PKS komited dalam mencegah sebarang kemungkinan kecederaan dan penyakit daripada insiden yang berlaku di tempat kerja.

Dasar-dasar Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan PKS meliputi pelaksanaan perkara-perkara berikut:

1. Menyedia, mengurus dan menyelenggara tempat kerja, peralatan dan mewujudkan sistem kerja yang selamat serta sihat daripada sebarang bahaya dan risiko;
2. Memastikan semua warga PKS dan pihak berkepentingan diberi maklumat, arahan, latihan dan khidmat nasihat berkenaan kaedah untuk melaksanakan kerja dengan selamat dan tanpa risiko kepada kesihatan;
3. Memastikan bahawa semua prosedur dan panduan kerja dilaksanakan dapat menghapuskan semua bahaya dan risiko sama ada dalam keadaan kerja biasa atau dalam keadaan darurat;
4. Menyiasat semua insiden, penyakit pekerjaan, keracunan pekerjaan dan kejadian berbahaya serta melaksanakan kawalan risiko keselamatan dan kesihatan pekerjaan di PKS; dan
5. Memperkasakan budaya keselamatan dan kesihatan pekerjaan dikalangan warga PKS.

Penilaian semula serta penambahbaikan berterusan dilaksanakan pada dasar dan objektif secara berkala untuk memastikan peningkatan berterusan.

Polisi ini akan disampaikan kepada semua warga PKS, kontraktor dan pembekal, dan tersedia untuk orang ramai.


MOHAMAD NAZRI BIN ISMAIL
Pengarah
Politeknik Kuching Sarawak
18 Jun 2025